

16 AUG 1997

Persidangan-dadah

PERDANA MENTERI RASMI PERSIDANGAN ANTARABANGSA PEMADAM

KUALA LUMPUR, 17 Ogos 16 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Persidangan Antarabangsa Swasta Ketiga mengenai Dadah Di Tempat Kerja dan Masyarakat yang akan diadakan di Sunway Lagoon Resort Hotel di sini pada 4 hingga 6 Okt.

Persidangan itu dianjurkan oleh Program Kawalan Dadah Antarabangsa Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dengan kerjasama Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan Pemadam.

Setiausaha Agung Pemadam, Datuk Haji Jumaat Datuk Haji Mohd Noor berkata hari ini seramai 200 peserta akan hadir pada persidangan itu dan beberapa kertas kerja akan dibentangkan.

Katanya antara topik yang akan dibincangkan ialah Kerjasama Tiga Pihak dan Berbagai Hala untuk Mencegah Dadah, Pengalaman dan Inovasi, Bergabung untuk Tindakan Bersepadu, dan Isu-isu Kecemasan.

Penceramah-penceramah dari Malaysia yang akan membentangkan kertas kerja ialah bekas Ketua Polis Negara, Tun Hanif Omar; bekas Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie, dan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (KKSM), Zainal Rampak.

Penceramah-penceramah asing pula ialah Prof Dr Steve Allsop dari Australia, Ric Durrant dari UNDCP/ILO dan Javeed Naseer dari Pakistan.

Haji Jumaat, yang juga setiausaha penganjur acara itu, berkata sebuah jawatankuasa tajaan yang diketuai oleh Datuk Moehamad Izat Emir telah ditubuh untuk mendapatkan syarikat-syarikat untuk menaja persidangan itu yang akan ditutup oleh Menteri Sumber Manusia, Datuk Liam Ah Lek.

Katanya, syarikat-syarikat swasta dan badan-badan bukan kerajaan yang mempunyai program membantu penagih dadah diharap dapat menghantar wakil mereka untuk menyertai persidangan itu untuk berkongsi pengalaman dengan peserta-peserta lain.

Beliau juga berkata sebagai persediaan untuk persidangan itu, satu simposium peringkat kebangsaan akan diadakan pada 25 Sept di Genting Highland untuk peserta-peserta Malaysia.

Syarikat-syarikat swasta dan badan bukan kerajaan yang ingin menyertai persidangan itu boleh berhubung dengan Datuk Haji Jumaat atau Datuk Haji Mustapha Ma, melalui talian: 03 - 2541187/8. -- BERNAMA

RT WAT